

0178

U 8523 AAB

MAHATHIR - PERUNDINGAN 999

KUALA LUMPUR, 17 JAN (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MENGGUNAKAN PENDEKATAN SECARA PERUNDINGAN BAGI MENYELESAIKAN SEGALA MASALAH YANG DIHADAPI NEGARA SEKIRANYA MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA SELEPAS 1990 (MPEN) YANG DITUBUHKAN HARI INI MENDATANGKAN HASIL YANG BAIK DAN MEMBAWA MANFAAT KEPADA NEGARA.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DALAM UCAPANNYA PADA PELANCARAN MAJLIS ITU DI SINI BERKATA, PENDEKATAN ITU MERUPAKAN TINDAKAN IKHLAS KERAJAAN UNTUK MELIBATKAN LEBIH RAMAI RAKYAT DALAM MENENTUKAN NASIB NEGARA.

TEKS UCAPANNYA DIBACAKAN OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK SHAFAR BABA.

MPEN YANG DITUBUHKAN UNTUK MENGGUBAL DASAR EKONOMI NEGARA UNTUK MENGGANTIKAN DASAR EKONOMI BARU (DEB) YANG AKAN TAMAT TEMPORNYA TAHUN DEPAN DIANGGOTAI OLEH 130 ORANG DENGAN NISBAH 50:50 ANTARA BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA.

KEANGGOTANNYA MENAKILI SEMUA SEKTOR TERMASUK BADAN-BADAN POLITIK, SOSIAL, EKONOMI, PROFESIONAL, CEDEKIANAN, PEKERJA DAN MAJIKAN.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN AMAT DUKACITA KERANA LANGKAH LIBERALNYA MENUBUHKAN MPEN CUBA DIPOLITIKKAN OLEH KUMPULAN-KUMPULAN TERTENTU.

+MEREKA CUBA MENSAITKAN KEANGGOTAAN MAJLIS INI DENGAN KEPENTINGAN POLITIK MEREKA.+ KATANYA. -- LASI.

1323MST 17 01 89

0188

U 8526 AAB

MAHATHIR - PERUNDINGAN 2 KUALA LUMPUR 999

+MEREKA CUBA MENDAPAT SESUATU BAGI DIRI MEREKA DENGAN MENAMBIL KESEMPATAN DARIPADA KESEDIAAN KERAJAAN MEMBERI PELUANG KEPADA MEREKA MEMAINKAN PERANAN DENGAN LEBIH BERMAKNA DALAM MENENTUKAN MASA DEPAN DAN NASIB NEGARA.+ KATANYA.

+MEREKA CUBA MEMBERI GAMBARAN YANG BURUK TERHADAP SATU USAHA KERAJAAN YANG MELEBIHI AMALAN DEMOKRASI BIASA.+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN KHUATIR JIKA SIKAP DAN PENDEKATAN INI DITERUSKAN, USAHA YANG MULIA ITU TIDAK AKAN MENCAPAI MATLAMATNYA.

SAMBIL MENYATAKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK SANGSAP DAN TIDAK BOLEH DIPERSALAHKAN JIKA USAHA ITU MENEMUI KESALAHAN, BELIAU MERAYU SEMUA PIHAK, SAHA ADA YANG MENGGOTAI MAJLIS ITU ATAU TIDAK, MEMBERI PERHATIAN SERIUS KEPADA USAHA +ISTINEMA+ ITU.

+TERIMALAH PENDEKATAN INI SEBAGAI SATU TINDAKAN IKHLAS KERAJAAN UNTUK MELIBATKAN LEBIH RAMAI RAKYAT DALAM MENENTUKAN NASIB NEGARA.+ KATA BELIAU.

+JIKA PENDEKATAN INI MENDATANGKAN HASIL YANG BAIK DAN MEMBAWA MANFAAT KEPADA NEGARA, IA BOLEH DISUMAKAN DALAM MENGHADAPI BERBAGAI MASALAH LAIN.+ KATANYA.

+TETAPI, JIKA PENDEKATAN INI DIPERALATKAN UNTUK TUJUAN POLITIK ATAU KEPENTINGAN TERENTENTU YANG LAIN, MAKA SUKARLAH BAGI KERAJAAN DAN NEGARA MEMERINA CARA INI UNTUK MENSATASI MASALAH-MASALAH LAIN YANG MUNGKIN TIBUL DALAM NEGARA INI DARI SEMASA KE SEMASA.+ KATANYA. -- LASI.

1343MST 17 01 89

0108

U 8597 DEB

MAHATHIR-PERUNDINGAN 3 KUALA LUMPUR 999

PERDANA MENTERI BERKATA DASAR EKONOMI BAGI SESEBUAH NEGARA, KHUSUSNYA NEGARA MAJLIS SEPERTI MALAYSIA, ADALAH SUKAR DIBENTUK KERANA TUJUANNYA BUKAN SAHAJA PERTUMBUHAN EKONOMI, TETAPI JUSA MELIBATKAN ASPIRASI EKONOMI, POLITIK DAN SOSIAL BERBASAL-BASAL KAUM YANG MEMPUYAI MASALAH DAN KEPENTINGAN TERSENDIRI.

SETELAH MEMBEDAKAN DIRI DARIPADA BELENGGU PENJAJAHAN, SESUATU BANGSA ATAU KAUM BAHADA MELAYU, CINA, INDIA, KADAZAN ATAU IGAN TIDAK RELA DIJAJAH PULA OLEH KAUM YANG LAIN.

TIDAK ADA KAUM HANYA MAHU MENJADI PETANI, PENOREH GETAH ATAU PEHANTU TEKSI SAHAJA DAN DALAM SETIAP KAUM, MESTI ADA YANG MENJADI AHLI PROFESIONAL, PENIAGA DAN PENSUSAHA, PEGAWAI TINGGI ATAU KALANGAN ORANG YANG BERADA, KATANYA.

TESABNYA, SELARAS DENGAN KEINSIMAN UNTUK MEMSEKALKAN IDENTITI DENGAN NEGARA ASAL, BAHASA IBUNDA DAN KEBUDAYAAN ASLI, USAHA PERLULAH DIBUAT UNTUK MEMSIBANGKAN KEDUDUKAN ANTARA MASYARAKAT BERBILANG KAUM DI NEGARA INI.

NEGARA-NEGARA BARAT YANG SERING MEMSKIRITIK MALAYSIA KERANA TEKANAN TERHADAP ASAL KETURUNAN, AMAT BERHATI-HATI DALAM NEGARA HERKA SENDIRI SUPAYA DOMINASI ETHNIK CAUCASIAN (KULIT PUTIH) TIDAK TERANCAM.

BELIAU BERHARAP PERBINCANGAN MAJLIS ITU AKAN BERJALAN LANCAR DAN AKHIRNYA MEMBANA KEJAYAAN YANG DIHARAP-HARAPKAN. -- BERNAMA
1420HST 19 01 89